

Utusan 3/11/2011

# Manfaat di Marina South, Ophir-Rochor RM27b

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Malaysia mendapat manfaat melalui 60 peratus pegangan dalam M+S Pte. Ltd. dengan membangunkan bidang-bidang tanah bernilai tinggi di Marina South dan Ophir-Rochor, Singapura.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, nilai pembangunan kasar bagi pembangunan yang dilaksanakan oleh M+S Pte. Ltd. di daerah kewangan dan perniagaan baru itu adalah dianggarkan RM27 bilion.

Selain itu, kata beliau, Malaysia turut menerima komitmen kukuh untuk pembangunan bersama sebuah Sistem Transit Laju (RTS) yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Singapura dengan kemudahan pemeriksaan kastam dan kuarantin (CIQ) di kedua-dua negara.

"Ini bertujuan meningkatkan jalinan perjalanan antara Malaysia dengan Singapura serta melonjakkan nilai hartanah di Iskandar Malaysia.

"Ia bukan sahaja akan menyum-

bang kepada peningkatan jumlah pelancong ke Malaysia tetapi bakal menyediakan insentif tambahan kepada syarikat-syarikat asing untuk beroperasi di Iskandar Malaysia sekali gus menjadikan wilayah ekonomi ini sebagai pusat perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan **Hee Loy Sian (PKR-Petaling Jaya Selatan)** mengenai status pengambilalihan dan pembangunan empat lot tanah di Marina South dan satu lot di Ophir Rochor yang sepatutnya dibangunkan oleh M+S Pte. Ltd. selepas penyerahan tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar ke-

pada Singapura.

Najib menjelaskan, tanah-tanah itu dipajakkan kepada KTMB hanya untuk kegunaan perkhidmatan kereta api sahaja dan perlu dikembalikan semula kepada negara tersebut apabila perkhidmatan berkenaan ditamatkan.

Bagaimanapun kata beliau, selepas termeterainya Instrumen Bertulis antara kedua-dua negara, Malaysia masih lagi menikmati keuntungan atau faedah meskipun tanah tersebut telah diserahkan kepada Singapura.

"M+S Pte. Ltd. akan membangunkan empat bidang tanah di Marina South serta dua bidang tanah di Ophir-Rochor masing-masing dalam bentuk pembangunan berintegritas yang kini pada peringkat perancangan iaitu perangkaan pelan induk," katanya.

Najib menjelaskan dari sudut peningkatan pelaburan di Iskandar Malaysia juga, Singapura menyatakan persetujuan untuk melabur bersama dalam pembangunan projek perbandaran kesihatan ikonik melibatkan tanah seluas 202 hektar.

Kata beliau, ia meliputi kerjasama antara Khazanah Nasional Berhad dengan Temasek dalam syarikat teroka yang dimiliki bersama iaitu Pulau Indah Ventures Sdn. Bhd. yang masing-masing memegang 50 peratus kepentingan.

"Kerjasama ini bukan sahaja akan mempertingkatkan kerjasama dan penglibatan kedua-dua negara, malah turut meningkatkan sentimen perniagaan syarikat-syarikat Singapura serta keyakinan para pelabur terhadap Iskandar Malaysia," jelas beliau.